



INOVASI BAHASA TAMIL

Permainan Kad

'Kuralodu Vilaiyadhu'



Pengenalan

Thirukural merupakan satu komponen utama dalam mata pelajaran Bahasa Tamil di SJKT. Ia menekankan nilai-nilai moral dan nilai insan untuk kehidupan manusia yang harmoni. Pendekatan kaedah permainan dapat merealisasikan objektif PdPc Thirukkural dengan berkesan. Oleh itu, teknik permainan kad 'Kuralodu Vilaiyadhu' direka sebmeyusun tiga pasangan kuplet bersama maksud dengan betul. agai satu inovasi yang dapat membantu PdPc Thirukkural. Sebanyak 60 dan yang mengandungi kuplet dan maknanya dicetak dalam bentuk kad secara berasingan. Permainan 'Kuralodu Vilaiyadu' secara berkumpulan dan mereka perlu menyusun tiga pasangan kuplet bersama maksud dengan betul

Objektif :

- Inovasi Permainan Kad 'Kuralodu Vilaiyadu' dapat:
- Melahirkan guru 'rethinking teaching' selaras dengan agenda transformasi pendidikan negara.
 - Menekankan 'experiential learning experience' yang berpaksikan unsur didik-hibur (fun learning)
 - Mengintegrasikan pemikiran aras tinggi pelajar.

Impak:

- Murid:**
- Dapat mengenali kuplet Thirukkural serta maksudnya dengan mudah.
 - Dapat menghayati pengajaran Thirukkural lalu mengaplikasikan dalam kehidupan.
 - Masyarakat:
 - Melahirkan masyarakat yang berpengetahuan Thirukkural yang mengutarakan nilai-nilai murni.
- Guru:**
- Menjadi pedagogi pendidikan yang mampu mengembangkan aspek KBAT, penghafalan, perancangan strategik, penyelesaian masalah melalui konsep fun learning.
- Negara:**
- Melahirkan warganegara yang berakhlak mulia melalui pengayatan kuplet-kuplet Thirukkural lalu melahirkan insan yang penyayang dan bertanggungjawab sosial yang melestarikan keharmonian negara.

Pernyataan masalah:

- Kaedah pengajaran tradisional masih lagi menguasai corak pengajaran Thirukkural pendekatan bercerita dan kaedah pengajaran terus iaitu kaedah penerangan.
- Penglibatan / kecerdasan pelajar dalam PdPc konsep tradisional kurang memberangsangkan.
- Para pelajar sukar menghafal kuplet-kuplet Thirukkural serta maksudnya.
- Kaedah permainan merupakan satu pendekatan yang efektif dalam PdPc. Namun, kaedah permainan masih tidak digunakan oleh ramai guru-guru kerana mereka masih tidak berkemahiran tinggi dalam mengasimilasikan permainan dalam proses PdPc.
- Hal ini lebih kritikal bagi pengajaran Bahasa Tamil kerana bahan bantu mengajar yang berunsur permainan dalam Bahasa Tamil amat kurang



Kesignifikanan / Kelebihan Permainan Kad 'Kuralodu Vilaiyadu'

- Melahirkan individu yang celik kuplet Thirukkural serta maksudnya yang dapat membantu kehidupan mulia.
- Meningkatkan daya bersaing serta daya pemikiran murid-murid dalam mengatur strategi untuk mencapai kejayaan dalam permainan serta membina motivasi positif.
- Pedagogi fun learning ini membantu menangani kekurangan BBM PdPc Thirukkural, serta dapat digunakan sebagai alat pengukuhan PdPc yang paling berkesan.
- Sambil berseronok para pelajar dapat mengulangkaji bagi mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.
- Melalui penelitian kad-kad permainan ini dengan kerap pelajar-pelajar dengan mudahnya dapat mengingatati serta mengafal kesemua kuplet-kuplet Thirukkural dan maknanya.
- Secara tidak langsung kemahiran pemikiran waras dan kemahiran berfikir aras tinggi turut dipupuk melalui permainan ini.
- Permainan kad ini dapat melahirkan seorang pelajar yang berkeupayaan bertindak pantas mengikut situasi. Dalam jangka masa yang panjang, ini dapat dipindahkan kepada keupayaan menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian.

Peraturan Permainan:

Permainan ini boleh melibatkan 2 hingga 9 orang pemain. Seorang pemain akan diberikan 6 keping kad untuk bermain. Kad perlu Shuffle sebelum diedar supaya ianya tidak berpadanan kuplet kural dengan maksudnya. Beberapa cara permainan kad boleh direka sendiri oleh para pemain mengikut minat serta kesesuaian mereka.

Contoh permainan 1:

1. Shuffle kad.
2. Seorang pemain harus mendapat 6 keping kad.
3. Kad berlebihan diletakkan di tengah.
4. Edaran kad serta giliran permainan perlu ikut satu urutan yang ditentukan oleh para pemain sama ada mengikut arah jam ataupun lawan arah jam.
5. Setelah 6 keping kad diedarkan, pemain pertama perlu mengambil sekeping kad teratas daripada kad berlebihan yang diletak bahagian pertengahan kumpulan. Ini bererti kini pemain tersebut mempunyai 7 keping kad dalam tanganya. Setelah meneliti, pemain tersebut perlu meletak kembali sekeping kad daripada 7 kad tersebut. Kad tersebut perlu diletak di bahagian tengah secara berasingan daripada kad-kad berlebihan pada awal.
6. Langkah di atas akan diteruskan dengan pemain-pemain berikutan. Mulai pemain kedua mereka boleh mengambil sekeping kad di bahagian tengah ataupun kad yang kembalikan oleh pemain sebelumnya dalam usaha mencari pasangan yang betul.
7. Pemain perlu memadankan tiga pasang kad dengan kuplet kural dan maksudnya. pemain yang dapat 3 pasang kad yang betul dianggap sebagai pemenang. Pemenang kedua dan yang berikutnya turut boleh dipilih dengan meneruskan permainan.

Potensi Pengkomersialan:

- Satu pedagogi pengajaran fun learning dalam bentuk kad permainan yang mudah direka dengan kos yang murah.
- Dapat dikomersialkan di sekolah rendah, sekolah menengah, IPG, Universiti, Orang awam

Potensi Pelaksanaan:

- Satu pedagogi pengajaran fun learning dalam bentuk kad permainan yang mudah direka dengan kos yang murah.
- Dapat dikomersialkan di sekolah rendah, sekolah menengah, IPG, Universiti, Orang awam

Novelty:

Mengintegrasikan komsas Thirukkural dengan kaedah permainan kad untuk membentuk satu pedagogi pengajaran tranformatif. PdPc Thirukkural turut menyumbang dalam meningkatkan pemikiran aras tinggi.

Ahli Kumpulan



Ketua :
Dr Karthees Ponniah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
karthees@fbk.upsi.edu.my



Dr Ilangkumaran Sinavadhan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



Tulasi Baskeren
SMK Katholik,
Tanjung Malim, Perak



Subahshini Jaiseelan
Sekolah Menengah Kebangsaan
Sultanah Engku Tun Aminah, Johor



செயற்கரிய செய்வார் பெரியர் சிறியர்
செயற்கரிய செய்கலா தார்

